

**SIARAN MEDIA**  
**Untuk Siaran Segera****MSM DAN USM ANJUR SESI BUAL-BICARA ESG ULUNG: SISA BUANGAN KEPADA INISIATIF HIJAU**

Topik berkaitan ESG disampaikan oleh penceramah jemputan daripada MSM, USM, Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang dan Boston Scientific Medical

**KUALA LUMPUR, JULAI 12, 2023** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar jenama gula bertapis terkemuka "Gula Prai" memupuk kesedaran yang lebih tinggi tentang kepentingan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam kalangan pelajar universiti melalui Sesi Bual Bicara ESG: Sisa Buangan Kepada Inisiatif Hijau (*ESG Talk: Waste to Green Initiatives*) yang diadakan baru-baru ini di Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kehadiran 130 mahasiswa dan mahasiswa lepasan ijazah dari Pusat Pengajian Teknologi Industri (PPTI), USM.

Antara topik yang dibentangkan ialah Sisa Buangan kepada Inisiatif Hijau (*Waste to Green Initiative*) oleh Ahmad Fer-Rouse Khairuddin (MSM), Sisa Buangan kepada Bahan Mentah Mampan (*Waste to Sustainable Raw Materials*) oleh Dr Azniwati Abd Aziz (USM), Peralatan Perubatan Inovatif dan Pengurusan Sisa (*Innovative Medical Device and Waste Management*) oleh Syafiq Aufa (Boston Scientific Medical) serta Jadual dan Peraturan Efluen (*Schedule and Effluent Regulations*) oleh Ts. Ramli Manap (Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "Inisiatif ini adalah salah satu langkah untuk memajukan perjalanan kemampanan MSM dan mencipta nilai untuk manusia dan planet ini. Sebagai sebahagian daripada ahli utama Rangkaian Tindakan CEO (*CEO Action Network - CAN*), Kumpulan MSM telah mengikrarkan komitmen kami untuk menyumbang ke arah perubahan positif dalam Aliran Kerja: Sisa & Air yang dipilih".

"Pembaziran adalah isu untuk kita semua. Telah dilaporkan bahawa sisa global dijangka meningkat kepada 3.4 bilion tan menjelang 2050, lebih daripada dua kali ganda pertumbuhan populasi dalam tempoh yang sama. Kita perlu bertanggungjawab dan menguruskan sisa dengan cara yang paling selamat. Bagi MSM pula, sisa *mud cake* kami menelan belanja berjuta-juta ringgit setiap tahun untuk dilupuskan di tapak pelupusan,



walaupun sisa *mud cake* tidak toksik atau berbahaya. Oleh itu, MSM telah melakukan usaha yang baik secara menyeluruh melalui aplikasi hijau seperti baja dan bahan tambahan dalam simen. Kami merancang untuk bekerjasama dengan ahli akademik tempatan bagi menjalankan kajian lanjut bagaimana *mud cake* boleh digunakan untuk makanan haiwan. Kos kami telah dikurangkan lebih daripada 70% melalui inisiatif menyeluruh dan berusaha selanjutnya ke arah kos sifar,” tambah Syed Feizal.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Pengarah Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang Norazizi Adnan, Dekan Pusat Pengajian Teknologi Industri, Profesor Datuk Ts. Dr Abdul Khalil, Pengarah Perubatan Saintifik Boston, Pusparajan Thoriappa serta pengurusan kanan MSM dan USM.

MSM akan terus memacu pertumbuhan yang mampan dengan rangka kerja ESG melalui pelbagai inisiatif berterusan dan baharu seperti menerima pakai Prinsip Pemerksaan Wanita Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Women’s Empowerment - WEPS*), 100% gula mentah yang diperoleh daripada Inisiatif Gula NDPE Wilmar (*Wilmar NDPE Sugar Initiative*), berikrar kepada Inisiatif Sasaran berasaskan Sains (SBTi) dan Matlamat Sifar Bersih (*The Science Based Targets Initiative (SBTi) And Net-Zero Ambition*).

Bagi memastikan sebarang isu berkaitan ESG dan kemampanan dalam Kumpulan MSM ditangani dengan sewajarnya, MSM mengalu-alukan mana-mana pihak berkaitan, pihak berkepentingan dalaman dan luaran untuk mengemukakan isu tersebut di [esg@msmsugar.com](mailto:esg@msmsugar.com).

**-TAMAT-**

#### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama “Gula Prai”. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2022, MSM mengeluarkan sebanyak 946,834 tan gula bertapis, di mana 230,903 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM598 juta setakat 30 Disember 2022. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama “Gula Prai”. MSM juga turut menjual ‘molasses’ sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)



### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti “percaya”, “menganggarkan”, “mengharapkan”, “menjangka”, “berhasrat”, “mungkin”, “akan”, “merancang”, “prospek” dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

### **Untuk pertanyaan media sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Syahidah Ismail**

+603 2181 5018 ext. 154

+6019 225 9705

[syahidah.i@msmsugar.com](mailto:syahidah.i@msmsugar.com)